



TEKS UCAPAN TETAMU KEHORMAT

MAJLIS PEMBUKAAN
KONVENSYEN KEPIMPINAN BELIA ISLAM (KKBI 2020)

YANG MULIA
PENGIRAN DATO SERI PADUKA HAJI BAHROM BIN PENGIRAN HAJI BAHAR
TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PADA
HARI JUMAAT
04 REJAB 1441H BERSAMAAN 28 FEBRUARI 2020M

JAM
9.00 PAGI

BERTEMPAT
DI DEWAN PERSIDANGAN UTAMA
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia,

Dayang Siti Hurul-Ain Diyana binti Haji Abd Majid,

Selaku Pengerusi Majlis Konvensyen Kepimpinan Belia Islam (KKBI 2020)

Yang Mulia,

Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela

Haji Yussof, Setiausaha Tetap,

Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia,

Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang,

Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan)

Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia,

Pengarah-Pengarah, Penolong-Penolong Pengarah, Pegawai-Pegawai

Kanan, Para Pemimpin-Pemimpin Belia, Peserta-Peserta dan hadirin-

hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, peramba/saya bersyukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan izinNya jua, kita dapat sama-sama hadir pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Konvensyen Kepimpinan Belia Islam (KKBI 2020) bagi tahun 1441H/2020M.

Peramba/saya sukacita mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Majlis kerana menjemput peramba/saya hadir bagi menyampaikan ucapan dan seterusnya menyempurnakan perasmian di Majlis ini sebentar nanti.

Pada kesempatan ini juga, peramba/saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Penganjur bersama iaitu pihak Program Keugamaan Belia dan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah bertungkus lumus mengungkayahkan Konvensyen yang julung-julung kalinya diadakan ini. Syabas sekali lagi.

Hadirin-hadirat yang peramba/saya hormati sekalian.

Konvensyem Kepimpinan Belia Islam atau ringkasnya KKBI 2020 yang diadakan pada pagi ini merupakan satu pengiktirafan dan wadah kepada para belia kita di Negara Brunei Darussalam ini untuk berinteraksi sesama mereka dan seterusnya mencari huraian dan

resolusi terbaik terhadap topik-topik yang dibincangkan di dalam Konvensyen ini. Kita sedia maklum bahawa Negara Brunei Darussalam dalam menuju Wawasan Negara 2035 yang merupakan gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu adalah bagi memastikan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang mempunyai *rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya; kehidupan yang berkualiti; dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan*. Ke arah mencapai Wawasan tersebut, kita bersatu setia kepada raja dan negara; yakin pada nilai-nilai agama Islam; mengamalkan nilai-nilai mulia dan sifat berbaik-baik. Dalam hal ini, para belia perlulah memainkan peranan mereka dengan penuh aktif kerana abiskita para belia mempunyai banyak kelebihan; kelebihan dari sudut tenaga, kelebihan buah fikiran, mempunyai kreativiti dan semangat yang tinggi untuk mencapai Wawasan Negara 2035 itu nanti. Kita amat-amati bersama firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dalam Surah Ar-Rum, ayat 54 mengenai peringkat penciptaan manusia dari mula dilahirkan sehingga mereka mencapai peringkat umur tua iaitu:

﴿اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا

وَشَيْبَةً تَخْلُقُ مَا يَشَاءُ ۗ وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ ﴿٥٤﴾

Tafsirnya:

“Allah yang menciptakan kamu daripada keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Dia menjadikan kamu berkeadaan kuat (muda), setelah itu Dia menjadikan kamu lemah semula dan tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya, dan Dia Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa.”

Begitulah kehebatan zaman belia, zaman yang produktif, membangun dan membina. Kita melihat belia adalah prospek aset yang bernilai bagi sesebuah negara.

Hadirin-hadirat yang peramba/saya hormati sekalian.

Peramba/saya percaya adunan untuk menghasilkan keaktifan dan kepimpinan belia yang positif di negara kita, kelebihan yang ada pada belia itu sendiri dari sudut tenaga, buah fikiran, kreativiti dan semangat sayugianya dapat dimanfaatkan dan diberi sokongan dengan mereka itu diberikan bimbingan dan tunjuk ajar sama ada ianya berbentuk sokongan moral dan juga material, bimbingan dan sokongan berbentuk kursus-kursus motivasi dan meningkatkan kemahiran dan keyakinan diri mereka. Dalam masa yang sama juga, peranan mereka yang kaya dengan *pengalaman* amatlah diperlukan dalam adunan tersebut supaya acuan yang kita mahukan adalah betul-betul beridentitikan keBruneian.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda Sempena Hari Belia Kebangsaan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah pada 17 Rejab 1428H/1 Ogos 2007M, antara lain Baginda bertitah:

“Golongan yang kita harapkan lebih aktif untuk menggarap kebaikan dan menolak keburukan itu ialah golongan belia. Mereka ini mempunyai potensi serba istimewa, baik dari segi umur, fizikal mahupun mental. Jika semua kelebihan-kelebihan ini digunakan dengan sewajarnya, maka sudah barang tentu masyarakat dan negara akan beruntung.

Dalam pada itu jangan pula diabaikan pandangan orang cerdik pandai bahawa sekalipun para belia itu sedia memiliki kebolehan-kebolehan luar biasa seperti kebolehan berfikir dan mencipta, namun belum tentu mereka juga mempunyai kebolehan menilai dalam segala perkara. Sama halnya, mereka memiliki kebolehan melaksana, tetapi belum tentu mempunyai kebolehan menasihati.

Ini perlu diambil ingatan oleh semua pihak supaya sama-sama di dalam muafakat dan sama-sama berganding bahu antara golongan belia dan golongan yang lebih kaya dengan pengalaman” – Demikian titah Baginda

Para hadirin dan hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,

Sambutan Hari Kebangsaan Ke-36 Negara Brunei Darussalam pada tahun ini dengan tema "*Menjayakan Wawasan Negara*" adalah sangat wajar untuk dijadikan sebagai salah satu asas dan juga hala tuju di sepanjang Konvensyen ini diadakan. Oleh itu, peramba/saya amat berharap melalui pengisian dan aktiviti yang bakal dilaksanakan di dalam Konvensyen ini nanti akan dapat menghasilkan suatu resolusi yang bermanfaat ke arah menjayakan Wawasan Negara 2035. Kepada belia-belia sekalian, rebutlah sepenuhnya peluang yang ada di Konvensyen ini untuk membina kemahiran, menambah pengetahuan dan membentuk serta membangun dan menggilap sifat-sifat kepimpinan yang ada pada diri para belia untuk diketengahkan. Peramba/saya penuh percaya di kesempatan ini juga abiskita sekalian dapat membangkitkan rasa semangat perpaduan dan ukhuwah di kalangan semua lapisan para belia dan pimpinan belia khususnya.

Para hadirin dan hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,

Kita imbas semula iaitu dalam konteks perkembangan agama Islam di Mekah dan juga di Madinah, para belia telah memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan dan dokongan yang sangat padu dalam sama-sama menjalankan da'wah Baginda Rasulullah *Shallallahu 'Alaihi Wasallam*. Kita telah mengetahui melalui sejarah bagaimana

khalifah Ar-Rasyidin yang empat iaitu Saidina Abū Bakr al-Siddīq (632-634), Saidina Umar al-Khattab (633-644), Saidina Uthman bin Affan (644-656) dan Saidina Ali bin Abi Talib (656-661) dan juga para serikandinya seperti puteri Baginda Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*; Saidatuna Fatimah Az-Zahra, dan puteri Saidina Abū Bakr al-Siddīq; Asma binti Saidina Abū Bakr, di awal perkembangan da'wah Islam; mereka adalah belia yang banyak memberi sumbangan dan sokongan kepada baginda *Shallallahu 'Alaihi Wasallam*. Kita juga melihat bagaimana Rasulullah *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* dalam menyebarkan da'wahnya telah dapat membentuk masyarakat di Mekah dan Madinah menerusi penerapan tiga asas penting iaitu *Aqidah, Syariat dan Akhlak*. Justeru, peramba/saya percaya bahawa pembentukan belia Islam yang holistik dalam kaca mata Islam hendaklah dengan mereka memiliki ketiga-tiga kriteria tersebut iaitu *hidupnya dengan aqidah yang betul, hidupnya dengan syariat yang betul dan hidupnya dengan akhlak Islam*.

Oleh yang demikian, marilah kita semua para ibubapa, keluarga dan masyarakat memainkan peranan penting untuk membimbing dan memimpin golongan belia agar mereka sentiasa ingat untuk menjaga aqidah mereka - aqidah yang lurus, melaksanakan syariat selaras dengan ajaran Islam yang betul dan sentiasa berakhlak mulia dan betul.

Di samping itu, golongan belia itu sendiri berperanan untuk memberikan bimbingan, sokongan dan dokongan kepada rakan sebaya mereka.

Para hadirin dan hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,

Kita renung bersama nasihat baginda *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* kepada seorang lelaki menerusi hadith baginda yang berbunyi:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِرَجُلٍ وَهُوَ يَعِظُهُ: اغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ وَعِنَاكَ قَبْلَ فَرَاغِكَ وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ وَحَيَاتِكَ قَبْلَ مَوْتِكَ

Maksudnya:

“Rebutlah lima perkara sebelum kamu didatangi lima perkara yang lain. Masa mudamu sebelum tuamu, masa sehatmu sebelum sakitmu, masa kayamu sebelum fakirmu, masa lapangmu sebelum kesibukanmu dan masa hidupmu sebelum matimu”

(HR Imam Al-Hakim)

Pada hemat peramba/saya, belia Islam yang memenuhi ciri-ciri yang disebutkan di dalam Hadith tadi insyaAllah adalah belia yang mampu menangani zaman yang penuh dengan cabaran, belia yang mempunyai jati diri yang teguh yang sangat memberi manfaat kepada agenda

pembangunan negara di masa hadapan. Oleh itu, kepada para belia sekalian; awdalah harapan ugama, bangsa dan negara bagi abiskita memberikan sumbangan yang bermakna kepada ugama, bangsa, raja dan negara.

Para hadirin/hadirat yang peramba/saya hormati sekalian.

Peramba/saya berharap Konvensyen ini akan menjadi *platform* yang bermanfaat kepada para peserta sekalian dalam mengutarakan apa jua idea atau saranan terutama yang berhubung-kait dengan hal ehwal belia Islam ke arah memberi sumbangan yang positif kepada agama, bangsa dan negara. Sehubungan dengan itu juga, diharapkan kebersamaan para belia dan agensi-agensi berkepentingan dalam sektor awam maupun swasta akan dapat diperkukuhkan lagi dari masa ke semasa.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, peramba/saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur yang mengungkayahkan Majlis Konvensyen ini dan semoga segala usaha abiskita ini mendapat balasan dan ganjaran dari Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* jua.

Akhirnya, dengan lafaz:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

peramba/saya sukacita merasmikan Majlis Konvensyen Kepimpinan
Belia Islam (KKBI 2020) bagi tahun 1441 Hijrah bersamaan 2020 Masihi.

Sekian,

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ